

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Khamis, 20 Mac 2025

## KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,  
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya  
No. Telefon : 03 - 8090 4681

### BANCI PERKHIDMATAN DAN PERALATAN MINYAK & GAS 2024

**2,894 pertubuhan terlibat dengan aktiviti Perkhidmatan dan Peralatan Minyak & Gas dengan Output kasar berjumlah RM79.2 bilion**

**PUTRAJAYA, 20 Mac 2025** – Laporan Perkhidmatan dan Peralatan Minyak & Gas (OGSE) buat julung kalinya diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Penerbitan ini memaparkan statistik utama yang diperoleh daripada pelaksanaan Banci OGSE 2024 bagi tahun rujukan 2023 berkaitan dengan bilangan pertubuhan, output kasar, input perantaraan, nilai ditambah, pekerja, gaji & upah dan harta tetap di peringkat nasional. Statistik berkaitan dengan aktiviti teras OGSE, Alam sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) yang merupakan antara indikator Pelan Hala Tuju Industri OGSE Kebangsaan (2021-2030) turut dilaporkan dalam penerbitan ini.

Mengulas prestasi laporan Banci Perkhidmatan dan Peralatan Minyak & Gas (OGSE) 2024, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, berkata, “Sejumlah **2,894 pertubuhan** yang terlibat dengan aktiviti OGSE merentasi pelbagai sektor. Dari segi bilangan, sektor **Perkhidmatan** mendominasi dengan 1,643 pertubuhan (56.8%), diikuti oleh sektor Pembinaan (802 pertubuhan; 27.7%), sektor Pembuatan (251 pertubuhan; 8.7%) dan sektor Perlombongan dan pengkuarian (198 pertubuhan; 6.8%).”

Dalam kenyataan pada hari ini, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, “Nilai **output kasar** berjumlah RM79.2 bilion yang mana 35.5 peratus adalah disumbangkan oleh Sektor Perlombongan dan pengkuarian dengan nilai sebanyak RM28.1 bilion, diikuti oleh sektor Perkhidmatan, RM25.8 bilion (32.5%). Sementara itu, sektor Pembinaan dan Pembuatan masing-masing merekodkan RM15.4 bilion (19.4%) dan RM9.9 bilion (12.5%). Sejumlah RM59.3 bilion Output OGSE yang dijana dan menyumbang 74.9 peratus kepada keseluruhan Output kasar pada tahun 2023.”

Mengulas laporan tersebut, Ketua Perangkawan berkata, “nilai **input perantaraan** mencatatkan RM39.8 bilion pada tahun 2023 dengan Sektor Perkhidmatan merekodkan nilai tertinggi iaitu RM14.2 bilion (35.6%). Ini diikuti oleh sektor Pembinaan (RM10.6 bilion; 26.6%), Sektor Perlombongan dan pengkuarian (RM8.4 bilion; 21.1%) dan sektor Pembuatan (RM6.7 bilion; 16.7%).”

**Nilai ditambah** bagi pertubuhan yang terlibat dengan aktiviti OGSE berjumlah RM39.4 bilion pada tahun 2023. Sektor Perlombongan dan pengkuarian menyumbang RM19.7 bilion atau 50.0 peratus daripada jumlah keseluruhan. Seterusnya, sektor Perkhidmatan mencatatkan RM11.6 bilion (29.4%) dan diikuti oleh sektor Pembinaan dan sektor Pembuatan, masing-masing merekodkan RM4.8 bilion (12.3%) dan RM3.3 bilion (8.3%).

Senario **pekerja** yang terlibat dengan aktiviti OGSE, Ketua Perangkawan berkata, “Seramai 123,288 orang pekerja yang direkodkan pada tahun 2023. Sektor Pembinaan mencatatkan jumlah pekerja tertinggi sebanyak 50,696 orang (41.1%), diikuti oleh sektor Perkhidmatan (48,731 orang; 39.5%). Pada masa yang sama, sektor Pembuatan dan sektor Perlombongan dan pengkuarian masing-masing merekodkan seramai 12,365 orang (10.0%) dan 11,496 orang (9.3%). Berkaitan dengan kategori kemahiran, Pekerja Separuh mahir merekodkan bilangan pekerja tertinggi dengan 67,552 orang (56.1%). Ini diikuti oleh pekerja Mahir (41,048 orang; 34.1%) dan Berkemahiran rendah (11,917 orang; 9.9%).”

Jumlah **gaji dan upah** yang dibayar pada tahun 2023, merekodkan RM6.8 bilion dengan purata gaji sebanyak RM4,609 sebulan. Sektor Perkhidmatan mencatatkan nilai gaji & upah tertinggi berjumlah RM2.8 bilion (41.6%). Ini diikuti oleh sektor Pembinaan (RM2.1 bilion; 30.8%), sektor Perlombongan dan pengkuarian (RM1.2 bilion ; 17.2%) dan seterusnya sektor Pembuatan (RM0.7 bilion; 10.4%). Selain itu, Pekerja Mahir menerima purata gaji & upah bulanan tertinggi sebanyak RM8,107 diikuti dengan pekerja Separuh mahir dan pekerja Berkemahiran rendah dengan masing-masing menerima RM2,993 dan RM2,230 sebulan.

Ketua Perangkawan turut menambah, sebanyak 2,652 pertubuhan (91.6%) **Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS)** pada tahun 2023, menjana output kasar berjumlah RM21.2 bilion atau bersamaan 26.7 peratus daripada jumlah output kasar. Selain itu, berdasarkan kepada 56 **aktiviti teras OGSE** yang dikenal pasti semasa pelaksanaan Banci OGSE ini, Aktiviti Perundingan kejuruteraan merekodkan penglibatan tertinggi dengan sumbangan sebanyak 8.6 peratus. Ini diikuti oleh Perkhidmatan tenaga manusia (7.8%) dan Bekalan & perkhidmatan bahan kimia (5.1%).

Mengakhiri kenyataannya, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Bagi pemahaman dan kesedaran berkaitan **Alam sekitar, Sosial dan Tadbir urus (ESG)**, komponen Alam semula jadi & biodiversiti di bawah elemen Alam sekitar, Pekerjaan (elemen Sosial) dan Privasi & keselamatan data (elemen Tadbir urus) merupakan elemen ESG yang mempunyai pemahaman dan kesedaran yang tertinggi."

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkuuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.


OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

#### **Paparan 1: Statistik Utama Aktiviti Perkhidmatan dan Peralatan Minyak & Gas (OGSE), 2023**


	Bilangan Pertumbuhan ⌚	Output Kasar (RM billion) ⌚	Input Perantaraan (RM billion) ⌚	Nilai Ditambah (RM billion) ⌚	Pekerja (orang) ⌚	Gaji & Upah (RM billion) ⌚	Harta Tetap (RM billion) ⌚
Jumlah	2,894 <b>100%</b>	79.2 <b>100%</b>	39.8 <b>100%</b>	39.4 <b>100%</b>	123,288 <b>100%</b>	6.8 <b>100%</b>	111.0 <b>100%</b>
Perlombongan dan Pengkuarian	198 <b>6.8%</b>	28.1 <b>35.5%</b>	8.4 <b>21.1%</b>	19.7 <b>50.0%</b>	11,496 <b>9.3%</b>	1.2 <b>17.2%</b>	79.5 <b>71.6%</b>
Pembuatan	251 <b>8.7%</b>	9.9 <b>12.5%</b>	6.7 <b>16.7%</b>	3.3 <b>8.3%</b>	12,365 <b>10.0%</b>	0.7 <b>10.4%</b>	2.2 <b>2.0%</b>
Pembinaan	802 <b>27.7%</b>	15.4 <b>19.4%</b>	10.6 <b>26.6%</b>	4.8 <b>12.3%</b>	50,696 <b>41.1%</b>	2.1 <b>30.8%</b>	2.8 <b>2.5%</b>
Perkhidmatan	1,643 <b>56.8%</b>	25.8 <b>32.5%</b>	14.2 <b>35.6%</b>	11.6 <b>29.4%</b>	48,731 <b>39.5%</b>	2.8 <b>41.6%</b>	26.5 <b>23.9%</b>

⌚ Sumbangan


## Paparan 2: Pekerja dan Gaji & Upah mengikut Kategori dan Kemahiran, 2023



## Paparan 3: Bilangan Pertubuhan dan Output Kasar bagi Perusahaan Mikro, Kecil Dan Sederhana (PMKS), 2023



## Paparan 4: 10 Aktiviti Teras OGSE yang Tertinggi, 2023



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
20 MAC 2025**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, March 20<sup>th</sup> 2025

# MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,  
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,  
62514 Federal Territory of Putrajaya  
Telephone : 03 - 8090 4681

## OIL & GAS SERVICES AND EQUIPMENT (OGSE) CENSUS 2024

**2,894 establishments engaged in the Oil & Gas Services and Equipment activities with a gross output of RM79.2 billion**

**PUTRAJAYA, MARCH 20, 2025** – The Oil and Gas Services & Equipment (OGSE) report is the inaugural publication from the Department of Statistics Malaysia (DOSM). This report presents key statistics obtained from the OGSE Census 2024 for the reference year 2023 related to the number of establishments, gross output, intermediate input, value added, number of persons engaged, salaries & wages and fixed assets at the national level. Statistics related to core activities of OGSE, Environmental, Social, and Governance (ESG), and Micro, Small and Medium Enterprises (MSMEs), which are key indicators outlined in National OGSE Industry Blueprint (2021-2030), are also reported in this publication.

Commenting on the performance of the Oil & Gas Services and Equipment (OGSE) Census 2024, the Chief Statistician of Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, said, "A total of 2,894 **establishments** engaged in OGSE activities across various sectors. In term of numbers, the **Services** sector led with 1,643 establishments (56.8%), followed by the Construction sector (802 establishments; 27.7%), the Manufacturing sector (251 establishments; 8.7%), and the Mining and quarrying sector (198 establishments; 6.8%)."

In today's statement, the Chief Statistician of Malaysia said, "The value of **gross output** amounted to RM79.2 billion and 35.5 per cent was contributed by the Mining and quarrying sector with a value of RM28.1 billion, followed by the Services sector by RM25.8 billion (32.5%). In the meantime, the Construction and Manufacturing sectors contributed RM15.4 billion (19.4%) and RM9.9 billion (12.5%), respectively. A total of RM59.3 billion of OGSE Output was generated and contributing 74.9 per cent to the overall Gross output in 2023."

*Commenting on the report, the Chief Statistician said, "intermediate input posted a value of RM39.8 billion in 2023, with the Services sector recorded the highest value at RM14.2 billion (35.6%). This was followed by the Construction sector (RM10.6 billion; 26.6%), the Mining and quarrying sector (RM8.4 billion; 21.1%) and the Manufacturing sector (RM6.7 billion; 16.7%)."*

*The value added for establishments engaged in OGSE activities amounted to RM39.4 billion in 2023. The Mining and quarrying sector contributed RM19.7 billion or 50.0 per cent of the total. This was followed by the Services sector at RM11.6 billion (29.4%), the Construction and Manufacturing sectors, recorded RM4.8 billion (12.3%) and RM3.3 billion (8.3%), respectively.*

*Commenting on the persons engaged within OGSE activities, the Chief Statistician said, "A total of 123,288 persons were engaged in OGSE activities, with the Construction sector contributing 50,696 persons (41.1%), followed by the Services sector (48,731 persons; 39.5%). The Manufacturing and Mining and quarrying sectors recorded of 12,365 persons (10.0%) and 11,496 persons (9.3%) respectively. In relation to skill categories, Semi-skilled workers recorded the highest number of persons engaged at 67,552 persons (56.1%). This was followed by Skilled workers (41,048 persons; 34.1%) and Low-skilled workers (11,917 persons; 9.9%)."*

*Total salaries and wages paid amounted to RM6.8 billion in 2023 with an average monthly salary and wages of RM4,609. The Services sector posted the highest salaries and wages value at RM2.8 billion (41.6%). This was followed by the Construction sector (RM2.1 billion; 30.8%), the Mining and quarrying sector (RM1.2 billion; 17.2%), and the Manufacturing sector (RM0.7 billion; 10.4%). In addition, Skilled workers received the highest average monthly salaries and wages at RM8,107, followed by Semi-skilled workers and Low-skilled workers earned at RM2,993 and RM2,230 respectively.*

*The Chief Statistician added, a total of 2,652 establishments (91.6%) of **Micro, Small, and Medium Enterprises (MSMEs)** in 2023, generated RM21.2 billion of gross output or equivalent to 26.7 per cent of the total gross output. Additionally, based on the 56 identified **core activities of OGSE** during the census, Engineering consultancy recorded the highest participation, contributing 8.6 per cent. This was followed by Manpower services (7.8%) and Chemical supply & services (5.1%).*

*Concluding his statement, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "In terms of understanding and awareness related to **Environmental, Social and Governance (ESG)**, the components of Nature & biodiversity under Environmental element, Employment (Social element) and Data privacy & security (Governance element) were the ESG elements with the highest levels comprehension and awareness."*

*ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: the Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15<sup>th</sup> ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aim to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.*

*The Government of Malaysia has declared October 20<sup>th</sup> as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life.' Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20 October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.*


*OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>*

#### **Exhibit 1: Key Statistics of Oil & Gas Services and Equipment Activities, 2023**


	<b>Number of Establishments</b> ⌚	<b>Gross Output</b> (RM billion) ⚡	<b>Intermediate Input</b> (RM billion) ⚡	<b>Value Added</b> (RM billion) ⚡	<b>Persons Engaged</b> ⌚	<b>Salaries &amp; Wages</b> (RM billion) ⚡	<b>Fixed Assets</b> (RM billion) ⚡
<b>Total</b>	2,894 <b>100%</b>	79.2 <b>100%</b>	39.8 <b>100%</b>	39.4 <b>100%</b>	123,288 <b>100%</b>	6.8 <b>100%</b>	111.0 <b>100%</b>
 <b>Mining and Quarrying</b>	198 <b>6.8%</b>	28.1 <b>35.5%</b>	8.4 <b>21.1%</b>	19.7 <b>50.0%</b>	11,496 <b>9.3%</b>	1.2 <b>17.2%</b>	79.5 <b>71.6%</b>
 <b>Manufacturing</b>	251 <b>8.7%</b>	9.9 <b>12.5%</b>	6.7 <b>16.7%</b>	3.3 <b>8.3%</b>	12,365 <b>10.0%</b>	0.7 <b>10.4%</b>	2.2 <b>2.0%</b>
 <b>Construction</b>	802 <b>27.7%</b>	15.4 <b>19.4%</b>	10.6 <b>26.6%</b>	4.8 <b>12.3%</b>	50,696 <b>41.1%</b>	2.1 <b>30.8%</b>	2.8 <b>2.5%</b>
 <b>Services</b>	1,643 <b>56.8%</b>	25.8 <b>32.5%</b>	14.2 <b>35.6%</b>	11.6 <b>29.4%</b>	48,731 <b>39.5%</b>	2.8 <b>41.6%</b>	26.5 <b>23.9%</b>

 Share


## Exhibit 2: Persons Engaged and Salaries & Wages by Category of Skills, 2023



## Exhibit 3: Number of Establishments and Gross Output for Micro, Small and Medium Enterprises (MSMEs), 2023



**Exhibit 4: 10 Highest Core Activities of OGSE, 2023**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA**

**DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**20<sup>th</sup> MARCH 2025**